



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KAEDAH, PROSES DAN FAKTOR YANG MEMPENGARUHI
PEMBELAJARAN TAHFIZ DALAM KALANGAN MURID
SEKOLAH AGAMA KERAJAAN***

SHARINI BINTI CHE ISHAK

FPP 2017 28



**KAEDAH, PROSES DAN FAKTOR YANG MEMPENGARUHI
PEMBELAJARAN TAHFIZ DALAM KALANGAN MURID
SEKOLAH AGAMA KERAJAAN**

By

SHARINI BINTI CHE ISHAK

**Tesis dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Mei 2017

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

**DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA
PENYAYANG**

SELAWAT DAN SALAM BUAT RASUL JUNJUNGAN MULIA



COPYRIGHT UPM

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**KAEDAH, PROSES DAN FAKTOR YANG MEMPENGARUHI
PEMBELAJARAN TAHFIZ DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH AGAMA
KERAJAAN**

Oleh

SHARINI BINTI CHE ISHAK

Mei 2017

Pengerusi : Fathiyah Binti Mohd Fakhruddin, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Pendidikan tahfiz adalah aliran pendidikan yang kian mendapat sambutan di negara ini. Walaupun pelaksanaan pendidikan tahfiz sudah meluas di negara ini, namun pencapaian hafazan masih di tahap yang sederhana. Sebahagian guru tahfiz juga didapati menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang tidak menyeluruh dan betul-betul berkesan. Kajian ini dijalankan bagi meneliti kaedah pembelajaran tahfiz dalam kalangan murid sekolah aliran tahfiz, proses pembelajaran tahfiz dalam kalangan murid sekolah aliran tahfiz dan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian hafazan murid. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Data dikumpul menggunakan temubual yang mendalam serta analisis dokumen yang berkaitan. Seramai dua belas orang murid dan enam orang guru yang terlibat sebagai subjek kajian. Dapatan kajian menunjukkan terdapat enam kaedah pembelajaran, antaranya kaedah membaca, kaedah menulis, kaedah menggunakan mushaf khas, kaedah penguasaan hukum tajwid, kaedah pemahaman dan kaedah pengulangan yang digunakan oleh murid aliran tahfiz. Seterusnya proses pembelajaran tahfiz meliputi empat proses iaitu pembelajaran berasaskan disiplin, pemilihan masa, pemilihan tempat dan kelas bimbingan. Selanjutnya, faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian murid tahfiz, merangkumi faktor idola, faktor kemampuan diri, faktor persekitaran, dan faktor pendedahan guru. Kajian ini secara jelas mengemukakan kaedah dan proses pembelajaran tahfiz yang dapat membantu meningkatkan pencapaian murid aliran tahfiz. Disamping itu, kajian ini turut mengemukakan cadangan bagi program pendidikan guru dan latihan dalam perkhidmatan khusus berkaitan pembelajaran tahfiz bagi meningkatkan kualiti pembelajaran tahfiz secara khusus dan pendidikan tahfiz secara umum.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia
in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**METHODS, PROCESS AND FACTORS INFLUENCING TAHFIZ LEARNING
AMONG STUDENTS OF GOVERNMENT RELIGIOUS SCHOOLS**

By

SHARINI BINTI CHE ISHAK

May 2017

Chairman : Fathiyah Binti Mohd Fakhruddin, PhD
Faculty : Educational Studies

Tahfiz education is a type of education that gaining a growing demand in this country. Despite the widespread of the implementation of tahfiz education. In the country, using the achievement of Quranic memorization still at a moderate level. Some tahfiz teachers teaching and learning methods that are not comprehensive and effective. This study was conducted to examine, tahfiz learning methods among tahfiz students, the process of tahfiz learning among tahfiz students and factors that influencing the memorization achievement of the students. This study used a qualitative approach. Data was collected using in-depth interviews and analysis of relevant documents. A total of 12 students and six teachers were involved as participants in this study. The findings showed that there are six learning methods, including reading, method writing method (*tahriri*), method of using specific mushaf, method of mastering rules, method of understanding and method of repetition used by tahfiz students. Furthermore, tahfiz learning process comprised four aspects that are learning with discipline, specific choice of time, specific choice of location class and guidance. Besides that, data showed the factors that influencing the memorization achievement comprised of the idol factor ability to memorize, environment factor and exposure by the teachers. This study clearly presented methods and process of learning tahfiz that could improved that the achievement of tahfiz students. Besides that, this study present for teacher education program and in service training specifically on tahfiz learning to improve the quality of tahfiz learning and the tahfiz education in general.

PENGHARGAAN

Assalamu'alaikum w.b.t. Pertama sekali segala puji bagi Allah yang Maha Pemurah lagi Maha penyayang. Al-Hamdulillah, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Syukur kepada Allah dengan izinNya dapat menyiapkan tesis ini dengan sempurna. Kejayaan ini diperolehi daripada sokongan pelbagai pihak sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Fathiyah binti Fakhrudin selaku penyelia tesis ini di atas kesungguhan beliau membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada saya sepanjang tempoh menyiapkan tesis ini. Selain itu, peluang yang sangat berharga ini diberikan oleh Dr. Fathiyah kepada saya untuk menjadi sebahagian daripada kumpulan penyelidik dalam kajian ini. Pengkaji mengambil sebahagian daripada dapatan kajian penyelidikan yang dijalankan dengan penyelia iaitu berkaitan dengan 'Karakteristik Murid Yang Mengikuti Aliran Tahfiz' di bawah Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) telah membawa saya kepada tahap ini dalam bidang penulisan tesis saya sendiri.

Tidak lupa juga jasa yang disumbangkan oleh Prof. Madya Dr. Asmawati suhid yang bertindak sebagai mentor saya yang banyak meluangkan masa untuk memberi pandangan yang sangat berharga.

Tidak ketinggalan juga setinggi-tinggi penghargaan ini ditujukan kepada para pentadbir, guru-guru, dan anak didik sekolah aliran tahfiz terutamanya sekolah Smista, Mitib, dan Imtiaz yang memberi sokongan dan dorongan khususnya dalam memberi maklumat untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan dalam penulisan tesis ini.

Dan akhir sekali, ucapan penghargaan ucapan terima kasih dan rasa kasih sayang buat ahli keluarga, kedua ibubapa yang dikasihi, suami, anak-anak, dan rakan-rakan atas doa dan sokongan yang diberikan kepada saya. Semoga budi baik dan kerjasama semua akan mendapat balasan yang baik dari Allah yang maha pengasih dan penyayang.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 26 Mei 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Sharini binti Che Ishak bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Kaedah, Proses dan Faktor yang Mempengaruhi Pembelajaran Tahfiz dalam Kalangan Murid Sekolah Agama Kerajaan" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Norlizah binti Che Hassan, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Fadzilah binti Abd Rahman, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mohd Aderi Che Noh, PhD

Profesor Madya
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



NOR AINI AB. SHUKOR, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 28 September 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Fathiyah Mohd Fakhruddin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Asmawati Suhid, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah yang lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan intergriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Sharini Binti Che Ishak, GS39275

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami:
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : Dr. Fathiyah Mohd Fakhruddin

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Profesor Madya Dr. Asmawati Suhid

JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PERAKUAN	iv
PENGAKUAN	vi
SENARAI JADDUAL	xi
SENARAI SINGKATAN	xii

BAB

1	PENGENALAN	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.2.1	Sejarah dan Pendidikan Tahfiz di Malaysia	2
1.2.2	Pembelajaran Tahfiz di Malaysia	4
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Persoalan Kajian	9
1.6	Kepentingan Kajian	9
1.7	Skop Dan Batasan Kajian	10
1.8	Definisi Konsep dan Operasional	11
1.8.1	Pembelajaran	11
1.8.2	Kaedah Pembelajaran Tahfiz	12
1.8.3	Tahfiz	13
1.8.4	Proses Hafazan	13
1.8.5	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Hafazan	13
1.8.6	Sekolah Aliran Tahfiz	13
1.9	Kesimpulan	14
2	SOROTAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	15
2.2	Pengenalan tentang Al-Quran	15
2.3	Pendidikan Tahfiz	16
2.4	Kaedah Pembelajaran Tahfiz Menurut Al-Qabisi	18
2.5	Kaedah Pembelajaran Tahfiz Menurut Ibnu Sahnun	24
2.6	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Hafazan	27
2.7	Kesimpulan	30
3	METODOLOGI	
3.1	Pendahuluan	31
3.2	Rekabentuk Kajian	31
3.3	Instrumen Kajian	32
3.4	Pemilihan Subjek Kajian	33
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	34
3.6	Temubual	35
3.7	Analisis Dokumen	36

3.8	Kesahan	36
	3.8.1 Kesahan Dalam	36
	3.8.2 Kesahan Luar	37
3.9	Kebolehpercayaan	37
3.10	Triangulasi	37
3.11	Kajian Rintis	38
3.12	Analisis Data Temubual	38
3.13	Analisis Dokumen	38
3.14	Analisis Data secara Keseluruhan	38
4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pendahuluan	40
4.2	Profil Subjek Kajian	40
4.3	Kaedah Pembelajaran Tahfiz	43
	4.3.1 Membaca	44
	4.3.2 Mushaf yang Khas	47
	4.3.3 Pengulangan	48
	4.3.4 Penguasaan Hukum Tajwid	50
	4.3.5 Kefahaman	51
	4.3.6 Penulisan	52
4.4	Proses Pembelajaran Tahfiz	53
	4.4.1 Disiplin	54
	4.4.1.1 Aspek jadual sekolah	54
	4.4.1.2 Aspek urus masa	57
	4.4.2 Pemilihan Masa	58
	4.4.3 Pemilihan Tempat	59
	4.4.4 Kelas Bimbingan	60
4.5	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Hafazan	60
	4.5.1 Faktor Idola	61
	4.5.2 Faktor Pendedahan Guru	64
	4.5.2.1 Aspek motivasi	64
	4.5.2.2 Aspek amalan yang boleh mempertingkatkan Hafazan	65
	4.5.2.3 Aspek bimbingan	65
	4.5.2.4 Aspek ambil berat	66
	4.5.3 Faktor Persekitaran	67
	4.5.4 Faktor Kemampuan diri	68
5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI, DAN CADANGAN	
5.1	Pendahuluan	69
5.2	Kesimpulan	69
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	70
5.4	Kaedah Pembelajaran Tahfiz	70
5.5	Proses Pembelajaran Tahfiz	73
5.6	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Hafazan	74
5.7	Implikasi Kajian	76
5.8	Cadangan untuk Kajian Masa akan Datang	77

**RUJUKAN
LAMPIRAN
BIODATA PELAJAR**

79
87
105



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
4.1	Profil Subjek kajian Guru dan Murid Tahfiz	41
4.2	Tema Kaedah Pembelajaran Tahfiz	43
4.3	Tema Proses Pembelajaran Tahfiz	54
4.4	Waktu Pelaksanaan Sekolah	55
4.5	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Hafazan	61



SENARAI SINGKATAN

BPI	Bahagian Pendidikan Islam
EPRD	Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan,
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MITIB	Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi Istana Bandar
MITST	Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi
MRSM	Maktab Rendah Sains Mara
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SMISTA	Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz
IMTIAZ	Sekolah Menengah Yayasan Terengganu
TBG	Temubual Guru
TBM	Temubual Murid

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pendidikan memainkan peranan penting dalam pembangunan sesebuah negara dan masyarakat kerana masyarakat yang maju dan berilmu biasanya dikaitkan dengan tahap pendidikan yang mereka miliki. Negara Malaysia telah mengambil beberapa langkah yang dirasakan perlu dalam usaha meningkatkan lagi tahap pendidikan rakyat. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya didapati sistem pendidikan negara sentiasa menerima perubahan dari semasa ke semasa bagi memastikan peningkatan kualiti pendidikan yang dihasratkan. Sebagai contoh terkini, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025 memberi penekanan kepada beberapa perubahan penting termasuk aspek pengajaran dan pembelajaran.

Jika ditinjau dari segi pembelajaran pendidikan tahfiz dan pendidikan al-Quran mempunyai perbezaan, antaranya pembelajaran tahfiz merupakan proses menghafaz al-Quran yang memerlukan kepada kemahiran menggunakan kaedah-kaedah yang khusus untuk menghafaznya, bukan sekadar hafazan semata-mata malah merupakan suatu proses hafazan yang sempurna, dan selanjutnya diwajibkan untuk mengetahui isi kandungannya. Kegiatan menghafaz al-Quran menekankan setiap ayat (perincian bahagian bahagiannya seperti, fonetik, waqaf dan sebagainya) perlu dihafaz dan diingati secara sempurna (Wiwi Alawiyah, 2013).

Manakala pembelajaran al-Quran merupakan pembelajaran secara umum meliputi ilmu yang lengkap dan mencakupi semua ilmu yang berhubung dengan al-Quran, seperti ilmu bahasa arab, penterjemahan dan tafsir, hukum-hukum tajwid, dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, memberikan fokus utama kepada kaedah hafazan al-Quran dan keberkesanannya (Kamal Mahyuddin, 1992).

Pendidikan yang berkualiti bergantung kepada beberapa faktor penting. Antaranya ialah faktor kepimpinan sekolah, faktor kualiti guru serta proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. (Siti Safariah, 2009). Kaedah pembelajaran yang sesuai dan menarik penting bagi memastikan kejayaan proses pendidikan. Begitu juga dalam konteks pendidikan tahfiz, kaedah pembelajaran yang sesuai dan berkesan dapat membantu kejayaan hafazan dalam kalangan murid.

1.2 Latar belakang kajian

Kajian yang dijalankan ini berkisar kepada pendidikan tahfiz di Malaysia. Secara khusus, ia memberi tumpuan kepada pembelajaran tahfiz iaitu kaedah dan proses pembelajaran tahfiz dalam kalangan murid aliran tahfiz. Di samping itu, faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian hafazan turut di teliti.

1.2.1 Sejarah Pendidikan Tahfiz di Malaysia

Pendidikan tahfiz merupakan salah satu cabang dalam pendidikan al-Quran. Selain tahfiz, pendidikan al-Quran turut merangkumi pendidikan bacaan, *tarannum*, pengajian hukum dan pengajian tafsir (Abdul Hafiz Abdullah, 2004). Realitinya pendidikan al-Quran atau pendidikan tahfiz bukan satu yang baharu di negara ini. Jika dilihat dalam sejarah pendidikan negara, pendidikan al-Quran telah wujud sejak bermulanya pendidikan Islam di Tanah Melayu. Pendidikan Islam di Tanah Melayu bermula dalam bentuk pembelajaran tidak formal menerusi kelas-kelas al-Quran di masjid, istana dan rumah-rumah ustaz. Ternyata ketika itu, elemen membaca al-Quran dititikberatkan di samping menghafaz beberapa surah dan ayat al-Quran serta ilmu Islam berkaitan seperti tauhid dan feqah. Selanjutnya perkembangan pendidikan Islam beralih kepada pendidikan pondok (Abdullah Ishak, 1995). Pendidikan pondok turut menekankan pendidikan al-Quran di samping bidang agama yang lain, seterusnya diganti dengan sistem pendidikan madrasah yang turut menitikberatkan pendidikan al-Quran sebagai salah satu pendidikan yang ditawarkan. Setelah fasa pendidikan madrasah, pendidikan Islam kemudiannya wujud sebagai satu mata pelajaran yang ditawarkan dalam sistem pendidikan negara. Penggubalan Penyata Razak 1956, Penyata Rahman Talib 1960 dan Akta Pelajaran 1961 menyaksikan mata pelajaran Pendidikan Islam ditawarkan di sekolah-sekolah rendah dan menengah dengan pembiayaan daripada kerajaan pusat (Abdullah Ishak, 1995). Dalam kesemua peringkat pendidikan yang dihuraikan di atas, elemen pendidikan al-Quran tidak dipinggirkan. Begitu juga, aspek hafazan al-Quran tidak pernah disisihkan dalam konteks pendidikan al-Quran. Pendidikan al-Quran diselitkan sebagai salah satu cabang ilmu dalam semua peringkat atau fasa pendidikan yang dinyatakan.

Namun, pendidikan tahfiz secara eksklusif di Malaysia bermula pada tahun 1966 atas saranan Perdana Menteri Malaysia yang pertama Tuanku Abdul Rahman Putra al-Haj dan beroperasi di Masjid Negara, Kuala Lumpur (Wan Muhammad, 1995). Pada tahun 1997 Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat telah dinaiktaraf sebagai salah satu bahagian di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan diberi nama Darul Quran (Darul Quran, 2006).

Seterusnya pada 1 November 1998, Darul Quran dipindahkan ke kampus tetap di Kompleks Darul Quran di Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu, Selangor. Idea penubuhan maahad tahfiz sebenarnya telah tercetus hasil daripada Ujian Tilawatul Quran peringkat kebangsaan yang pertama pada tahun 1960 di mana pada waktu itu dihadiri oleh Syeikhul al-Azhar, Syeikh Mahmud Syaltut. Bagi

memastikan pelaksanaan kelas pengajian Kursus Menghafaz al-Quran berjalan lancar, Tuanku Abdul Rahman menghubungi setiap kerajaan negeri untuk menghantar calon bagi mengikuti kelas tersebut. Antara negeri yang menghantar wakil adalah: Terengganu, Selangor, Kedah, Perlis, Perak, Pahang, dan Negeri Sembilan. Selepas penubuhan Maahad Tahfiz di Masjid Negara, beberapa maahad tahfiz negeri telah mula dibuka. Ia bermula pada tahun 1979 di Kelantan, diikuti Terengganu, Perak, Kedah, Perlis dan Selangor pada tahun 1980. Seterusnya pada awal 1990-an Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Sabah pula menubuhkan maahad tahfiz. Kebanyakan maahad tahfiz negeri menggunakan kurikulum Darul Quran sehingga ke hari ini. Perkembangan tahfiz di Malaysia diluaskan lagi dengan penubuhan sekolah-sekolah tahfiz di negeri-negeri (Syed Ahmad Tarmizi, 2003).

Perkembangan pendidikan tahfiz selanjutnya menyaksikan bagaimana kerajaan negeri (Jabatan Agama Islam atau Yayasan Negeri) telah menubuhkan sekolah menengah tahfiz di negeri masing-masing seperti negeri Selangor, Kelantan dan Terengganu. Sebagai contoh, Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi Istana Bandar (MITIB) dan Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi MITST Klang, MITST Alam Impian, dan MITST Sabak Bernam yang berada di bawah pengurusan Jabatan Agama Islam Selangor. Yayasan Islam Terengganu pula menubuhkan Sekolah Menengah Intiaz yang mempunyai beberapa cawangan di beberapa daerah di Terengganu iaitu Besut, demikian juga Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pula mengambil inisiatif menubuhkan sekolah tahfiz aliran sains yang dikenali sebagai Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA) tetapi kemudiannya berdaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Selain itu, pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) dengan cetusan idea daripada Dato Idris Jusoh yang ketika itu merupakan Menteri Pendidikan telah membangunkan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Ulul Albab yang menekankan pendidikan sains dan tahfiz. MRSM Ulul Albab yang telah beroperasi sepenuhnya ialah MRSM Ulul Albab di Besut Terengganu, MRSM Ulul Albab Gemencheh, Negeri Sembilan dan MRSM Ulul Albab Balik Pulau, Pulau Pinang dan yang terkini ialah MRSM Ulul Albab di Sungai Besar, Selangor.

Begitu juga, pihak swasta turut menawarkan pendidikan tahfiz sama ada di peringkat sekolah rendah, menengah dan peringkat institusi. Pendidikan tahfiz yang dikendalikan oleh pihak swasta terbahagi kepada integrasi (tahfiz dan akademik) dan tahfiz sepenuhnya (tahfiz sahaja) (Fathiyah Mohd Fakhruddin, et.al, 2014).

Perkembangan pesat sekolah dan institusi tahfiz khususnya kerajaan mahupun swasta memberi isyarat penting tentang hasrat masyarakat dan negara amnya untuk melahirkan generasi yang hafiz, alim, da'i dan profesional sekaligus memenuhi matlamat pendidikan al-Quran. Dalam era globalisasi kini, pendidikan yang bersifat menyeluruh diharapkan mampu melahirkan generasi yang tidak hanyut dan mampu bertahan walaupun dalam krisis sosial dan kemasyarakatan yang dahsyat.

1.2.2 Pembelajaran Tahfiz di Malaysia

Hafazan adalah proses yang digunakan untuk menyimpan pengetahuan (Ab. Fatah Hasan: 15). Menghafaz memerlukan kekuatan fikiran dan tumpuan. Menghafaz sesuatu yang dipelajari dan mengasah ingatan melalui hafazan adalah cara yang paling baik untuk mengekalkan ingatan dan kecerdasan otak. Oleh itu, proses menghafaz bukan satu proses yang mudah terutama apabila melibatkan jumlah yang besar dan perlu dilaksanakan dalam masa yang singkat (Wiwi Alawiyah, 2013).

Ternyata hukum menghafaz al-Quran fardhu kifayah, dan kelebihan menghafaz al-Quran tidak terkira banyaknya, kedudukan yang tinggi di sisi Allah S.W.T, akan sentiasa dilindungi oleh Allah S.W.T, tergolong dalam kalangan umat Nabi Muhammad yang mulia, tidak merasa gementar akan tibanya hari kiamat dan doanya akan dimakbulkan oleh Allah S.W.T. Begitu juga dengan mereka yang menghafaz al-Quran merupakan insan yang paling layak dan berupaya untuk menjadi imam. Allah S.W.T juga mengurniakan nikmat kelebihan ilmu kepada para huffaz yang sama taraf pada kedudukan para nabi dengan memberikan syafaat kepada 10 orang daripada ahli keluarganya (Ismail Masyhuri al-Hafiz, 1993).

Penghafazan al-Quran merupakan anugerah dan rahmat daripada Allah S.W.T kepada hambanya yang menghafaz. Allah S.W.T menyifatkan penghafaz al-Quran sebagai hamba-hamba pilihanNya. Mereka yang menghafaz al-Quran akan dikurniakan dengan pelbagai keistimewaan. Firman Allah yang bermaksud:

“Dan apa yang telah Kami wahyukan kepada mu iaitu al-Kitab (al-Quran) itulah yang benar, dengan membenarkan kitab-kitab yang sebelumnya. Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Mengetahui lagi Maha Melihat (keadaan) hamba-hambanya. Kemudian Kitab itu Kami wariskan kepada orang-orang yang kami pilih di antara hamba-hamba Kami, lalu di antara mereka ada yang menganiaya diri mereka sendiri dan di antara mereka ada yang pertengahan dan di antara mereka ada (pula) yang lebih dahulu berbuat kebaikan dengan izin Allah. Yang demikian itu adalah kurnia yang amat besar” (Fatir: 31-32).

Rasulullah S.A.W menjelaskan tentang keistimewaan dan keutamaan serta kelebihan orang yang membaca dan menghafal al-Quran. Malah mereka dianugerahkan keistimewaan menjadi ahli keluarga Allah S.W.T semasa di dunia. Sabda Rasulullah S.A.W: Maksudnya: Berkata Anas bin Malik, Rasulullah S.A.W bersabda:

"Sesungguhnya Allah S.W.T mempunyai keluarga diantara manusia, para sahabat bertanya, "Siapakah mereka ya Rasulullah S.A.W? Baginda menjawab golongan al-Quran, merekalah golongan Allah S.W.T dan keistimewaanNya".

Hadis di atas bermaksud bagaimana Allah S.W.T menegaskan bahawa keistimewaan ahli al-Quran dan mereka yang menjadi kutamaan Allah S.W.T berbanding manusia lain.

Manakala al-Sharbini (1995) menghafaz al-Quran merupakan fardhu kifayah dan merupakan satu bentuk usaha bagi melengkapkan pengetahuan agama seperti menghafaz al-Quran. Dalam sabda Rasulullah, sepanjang Sunnah baginda banyak menggesa orang Islam supaya membaca, menjaga, menghafaz dan memahami al-Quran. Sebaik-baik bacaan al-Quran adalah yang dapat melaksanakan enam cara termasuk melihat atau memandangi al-Quran, membaca, menulis, menghafal, memahami dan menghayati isi kandungan al-Quran (Abdul Ghani, 1999).

Sejarah pembelajaran al-Quran secara hafazan bermula sejak turunnya ayat pertama al-Quran kepada Nabi Muhammad S.A.W. sebagaimana dimaklumi daripada berbagai nas bahawa baginda adalah seorang nabi yang *ummi*, iaitu tidak tahu menulis dan membaca. Dalam keadaan yang *ummi* Baginda Nabi Muhammad S.A.W. menerima al-Quran dari Malaikat Jibrail dan seterusnya menyampaikannya kepada para sahabat menerusi hafazan. Proses turunnya al-Quran secara berperingkat-peringkat membantu dan memudahkan Rasulullah S.A.W. untuk menyampaikannya kepada para sahabat, yang kemudiannya menghafaz dan memahami isi kandungannya. Kebiasaan untuk tidak terburu-buru menghafaz ini dikekalkan sehinggalah menjadi salah satu metode atau manhaj di dalam menghafaz al-Quran (Abu Najihat al-Hafiz, 2001).

Dalam pembelajaran tahfiz kaedah pembelajaran yang paling berkesan akan memberi pengaruh yang besar kepada penghafaz dalam menghafaz al-Quran. Begitu juga dengan proses pembelajaran tahfiz, proses untuk mengingati dan menghafaz al-Quran memerlukan situasi dan keadaan yang baik (Abdul Hafiz, et. al, 2005).

Begitu juga dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian murid. Faktor ini bukan hanya tertumpu pada pembelajaran secara umum sahaja malah ia juga melibatkan dalam pembelajaran hafazan. Antara faktornya merangkumi faktor dalaman dan luaran yang mampu mempengaruhi pencapaian seseorang murid bagi memperolehi tahap gred yang cemerlang. Personaliti murid melalui sikap dan minat seseorang murid terhadap sesuatu mata pelajaran di antara faktor yang memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Muhamad Abdillah Royo, et.al, 2011). Secara langsung dapat membina keazaman dan kesungguhan yang kuat untuk terus cemerlang dalam pembelajaran.

Begitu juga faktor persekitaran sama ada suasana persekitaran dalam kelas ataupun luar kelas memainkan perana yang utama bagi mewujudkan emosi murid yang baik. Secara langsung akan termotivasi dengan sendiri kerana

keselesaan belajar dapat dicapai. Justeru itu, bagi memastikan kecemerlangan dalam pembelajaran dapat dicapai ditahap yang membanggakan, peranan, tindakan dan kerjasama dari semua pihak sangat diperlukan. Suasana pembelajaran yang menarik, kondusif dan menyeronokkan merupakan faktor yang penting dan sangat diperlukan dalam proses pembelajaran dan pengajaran (Shaari et.al, 2012).

Menurut Mohd Aderi (2003) bagi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran tahfiz yang berkesan kepelbagaian bentuk pengajaran dan pembelajaran perlu dilaksanakan. Penggunaan pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti perlu digabungkan bagi meningkatkan kualiti hafazan al-Quran. Kesemua bentuk pengajaran dan pembelajaran ini apabila digabungkan akan memberi kesan yang baik kepada pencapaian hafazan murid.

Siti Ridhainnur Idris (2005) dalam kajian beliau terhadap kaedah hafazan yang sistematik dan berkesan, di Maahad Tahfiz al-Quran al-Itqan Ampang Selangor, mendapati bahawa peranan guru dan ibu bapa dalam memberi galakan kepada murid terhadap pembelajaran tahfiz al-Quran merupakan penyumbang utama kepada pencapaian tahfiz murid. Kajian juga mendapati kaedah *takrar* yang digunakan murid merupakan kaedah yang terpenting dalam pencapaian tahfiz al-Quran dan menjadi fokus utama dalam kajian penilaian kurikulum tahfiz.

Manakala kajian Masfira Hilman (2005) tentang keberkesanan kaedah *i'adah* di Maahad Tahfiz Johor, Institusi Pengajian Tinggi Islam Johor mendapati faktor sendiri murid dalam mengatur strategi pembelajaran tahfiz al-Quran merupakan faktor utama dalam keberkesanan pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran. Sebagai contoh, pembacaan surah dan ayat dalam solat fardhu atau sunat merupakan aktiviti yang sering digunakan murid. Ini kerana pembacaan surah dalam solat akan mengukuhkan lagi hafazan murid berbanding dengan aktiviti-aktiviti lain.

Kajian Abdul Hafiz et al. (2003) terhadap keberkesanan kaedah hafazan di Maahad Tahfiz Selangor, Negeri Sembilan dan Kelantan mendapati bahawa kaedah *tasmi'* dan menulis ayat menunjukkan keputusan yang tertinggi dalam keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran. Kaedah *tasmi'* merupakan kaedah yang utama digunakan dalam kalangan murid tahfiz bagi memudahkan hafazan mereka.

Berdasarkan huraian, ternyata pemilihan kaedah, proses pembelajaran dan faktor yang sesuai dan berkesan penting bagi meningkatkan pencapaian hafazan.

1.3 Pernyataan Masalah

Perkembangan pengajian tahfiz di Malaysia iaitu dikebanyakan negeri bergerak dengan haluan sendiri berdasarkan kemunculan sekolah tahfiz swasta dan sekolah tahfiz rakyat. Rentetan daripada itu, timbul masalah ketidakseragaman kaedah pembelajaran tahfiz di setiap negeri iaitu pengendah tahfiz bebas memakai mana-mana kurikulum dan kaedah pengajaran dari mana-mana negara mengikut latar belakang pendidikan guru tahfiz berkenaan (Aznil Hashim, 2010). Ini menyebabkan guru tahfiz mengajar berdasarkan pengalaman mereka tanpa mengikut kaedah yang tertentu. Oleh yang demikian sistem pengajian yang dilaksanakan tidak berpandukan kepada kaedah pengajaran yang khusus dan teratur (Wan Muhammad, 1995). Ketidakseragaman kaedah pembelajaran tahfiz boleh membawa kepada masalah yang lain pula, iaitu aspek pencapaian hafazan murid.

Oleh itu, perlu dijalankan kajian tentang kaedah pembelajaran tahfiz serta faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian hafazan agar dapat mempertingkatkan kualiti pembelajaran dan pencapaian hafazan murid.

Pendidikan tahfiz kerajaan mahupun swasta, kedua-duanya mempunyai matlamat dan tujuan untuk melahirkan para huffaz yang berjaya. Oleh sebab itu, pendidikan tahfiz bergerak seiring dengan kesedaran dan kebangkitan umat Islam di Malaysia, Kesemua Pusat Tahfiz mempunyai persamaan dan perbezaan antara satu sama lain merangkumi struktur pentadbiran dan kewangan, sistem pendidikan dan kurikulum yang digunakan. Namun pendidikan tahfiz kerajaan menjadi pilihan kerana memiliki struktur pendidikan yang teratur dan sistematik.

Seterusnya, kajian lepas menunjukkan masalah pencapaian murid dalam tahfiz al-Quran sepertimana yang dinyatakan oleh Misnan dan Ahmad Sadadi (2003) iaitu sebanyak 60% daripada pelajar tidak dapat menamatkan hafazan al-Quran mengikut jadual yang telah ditetapkan iaitu 30 juzuk dalam masa 6 semester. Begitu juga satu kajian yang dijalankan oleh Aznil Hashim (2010) terhadap penilaian pencapaian pelajar tahfiz di Darul Quran dan MTQN. Beliau mendapati pencapaian pelajar masih belum mencapai objektif pendidikan tahfiz yang telah digariskan iaitu menghafaz al-Quran dengan lancar, menghafaz al-Quran dengan memahami maksud ayat, menghafaz al-Quran dengan mengetahui *asbab nuzul* dan menghafaz al-Quran dengan mengetahui pengajaran ayat. Dapatan ujian syafawi pula jelas menunjukkan bahawa pencapaian mereka dalam aspek kelancaran hafazan al-Quran masih lemah. Begitu juga dengan hasil dapatan ujian kefahaman menunjukkan kefahaman dan kemahiran pelajar mengeluarkan ayat-ayat tertentu berdasarkan hukum adalah lemah. Selain itu pencapaian pengekal terhadap hafazan turut berada pada tahap yang lemah. Antara yang telah dikenal pasti yang menjadi punca kelemahan dalam pencapaian tahfiz ini adalah kelemahan dalam kaedah pengajaran tahfiz serta guru yang masih menggunakan kaedah tradisional dalam proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz (Mohamad Marzuqi, 2008; Aznil Hashim, 2010)

walaupun guru berkenaan bersetuju bahawa penggunaan teknologi membantu dalam meningkatkan mutu hafazan al-Quran (Mohamad Marzuqi, 2008).

Kajian lampau berkaitan pendidikan al-Quran banyak tertumpu kepada kemahiran membaca al-Quran (Raihan, 2000; Ramlan, 2000; Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, 2000; Farehan, 2000; Ramli, 2000; Mohd Sabri, 2001; Mohd Naim, 2003; Zulfah, 2003; Mohd Aderi, 2004). Seterusnya kajian lepas berkaitan pendidikan tahfiz pula memberi fokus kepada aspek pencapaian hafazan seperti Ab.Halim, et.al. (2004) dan juga kaedah pembelajaran hafazan. Malah kajian tentang kaedah pembelajaran hafazan hanya tertumpu kepada kaedah-kaedah yang dipilih tetapi tidak menjurus kepada faktor-faktor pemilihan kaedah berkenaan.

Oleh itu, kajian yang dijalankan ini bukan sahaja memberi tumpuan kepada kaedah pembelajaran tahfiz tetapi turut meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian hafazan murid diteliti agar ia dapat dijadikan panduan oleh individu-individu lain yang terlibat dalam bidang yang sama. Ini juga dapat memberi panduan kepada guru untuk mempelbagaikan kaedah berdasarkan beberapa kriteria murid yang telah dikenal pasti.

Nofrizal (2006) dalam kajian beliau berkaitan dengan hubungan minat dengan kebolehan membaca al-Quran kajian di satu buah Taman Pendidikan Al-Quran luar bandar Sumatera Barat. Dapatan kajian beliau merumuskan faktor minat murid merupakan sebahagian daripada faktor yang dapat mempengaruhi pencapaian murid dalam membaca al-Quran, malah faktor lain juga seperti motivasi, konsep sendiri, dan strategi belajar dapat mempengaruhi pencapaian murid tahfiz. Faktor ini diperlihatkan untuk memberi impak yang berkesan terhadap pembelajaran tahfiz dalam pencapaian hafazan murid.

Kajian lampau menyatakan masalah yang dihadapi penghafaz al-Quran dalam proses untuk mengingati dan menghafaz adalah dari aspek persekitaran, kerana ayat-ayat yang suci dan ianya tidak akan berada di tempat yang kotor, oleh sebab itu suasana persekitaran yang baik memberi kesan kepada proses pembelajaran begitu juga dengan hati dan ingatan seseorang individu yang tidak menjaga kesucian ayat-ayat al-Quran tersebut. Hal ini diperlihatkan bahawa masalah yang dihadapi oleh penghafaz dalam proses penghafalan mereka adalah kerana tidak menitikberatkan adab-adab sebelum dan selepas menghafaz al-Quran seperti amalan-amalan berdoa. Dalam kajian beliau menunjukkan seramai 327 (88.9%) responden yang dikaji bahawa menjaga adab semasa menghafaz al-Quran merupakan aspek yang penting di dalam proses menghafaz al-Quran (Abdul Hafiz, et.al, 2005).

Begitu juga dengan kajian (Abdul Hafiz 2005) menyatakan kegagalan dalam mengurus masa dalam pembelajaran akan mendatangkan kesan yang negatif kepada seorang penghafaz. Penghafaz yang tidak mampu untuk mengurus

masa secara berdisiplin akan merasa kesuntukan masa untuk menghafaz di samping melakukan kerja-kerja yang lain. Oleh yang demikian seorang menghafaz perlulah bijak mendisiplinkan diri dan melapangkan sebahagian masa untuk menghafaz.

Kajian berkaitan tentang proses pembelajaran banyak diutarakan, namun masih lagi dikaji kerana proses pembelajaran tahfiz memerlukan penelitian yang sewajarnya, kerana proses pembelajaran memperlihatkan kegiatan belajar murid sewaktu proses pembelajaran berlangsung yang memerlukan kekuatan fizikal dan mental meliputi persediaan fikiran, rohani dan jasmani terhindar daripada segala anasir yang boleh melemahkan. Terdapat tiga bentuk proses di antaranya formal, informal dan nonformal.

Kajian sebelum ini lebih banyak tertumpu kepada kajian tentang pembelajaran tahfiz yang menggunakan kaedah kuantitatif, tetapi sangat kurang menggunakan pendekatan kualitatif yang meneroka pengalaman guru dan murid dalam konteks kaedah, proses pembelajaran tahfiz dan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian hafazan murid.

1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk meneliti kaedah pembelajaran tahfiz dalam kalangan murid sekolah aliran tahfiz. Secara lebih khusus, objektif kajian ini adalah:

1. Meneliti kaedah pembelajaran tahfiz dalam kalangan murid sekolah aliran tahfiz.
2. Meneliti proses pembelajaran tahfiz dalam kalangan murid aliran tahfiz.
3. Meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian hafazan.

1.5 Persoalan Kajian

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk mencari jawapan kepada persoalan kajian yang berikut:

1. Apakah kaedah pembelajaran tahfiz dalam kalangan murid sekolah aliran tahfiz?
2. Bagaimana proses pembelajaran tahfiz dalam kalangan murid aliran tahfiz?
3. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian hafazan murid?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian tentang kaedah pembelajaran, secara umum sememangnya telah banyak dilaksanakan sama ada di dalam mahupun di luar negara. Namun kajian tentang kaedah, proses pembelajaran dan faktor-faktor yang mempengaruhi

pencapaian hafazan dalam kalangan murid sekolah aliran tahfiz masih belum begitu meluas dijalankan dalam kalangan pengkaji. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada beberapa perkara penting seperti penambahbaikan amalan pendidikan, penghasilan dasar atau polisi serta perkembangan ilmu dalam bidang yang dikaji.

Pertama, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada penggubal dasar atau polisi untuk mempertingkatkan kualiti dasar pendidikan sedia ada. Kajian tentang kaedah, proses pembelajaran dan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian hafazan dalam kalangan murid sekolah aliran tahfiz dapat memberi cadangan kepada penggubal dasar khususnya Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi untuk memberi tumpuan kepada kaedah, proses pembelajaran dan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian hafazan sebagai satu aspek penting untuk menentukan kejayaan murid sekolah tahfiz. Kajian ini turut diharap dapat mengusulkan kepada penggubal dasar atau polisi pendidikan negara khususnya Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mempertingkatkan profesionalisme keguruan guru-guru tahfiz dengan mengadakan kursus-kursus dalam perkhidmatan yang bersangkutan dengan kaedah, proses pembelajaran dan faktor yang mempengaruhi pencapaian hafazan.

Seterusnya daripada aspek sumbangan kepada ilmu, kajian ini diharapkan boleh memberi sumbangan dalam bidang pendidikan khususnya pendidikan tahfiz secara lebih khusus serta kajian ini dapat mengemukakan cadangan kepada kaedah, proses pembelajaran dan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian hafazan yang holistik dan sesuai untuk murid aliran tahfiz. Dengan itu secara tidak langsung ia juga berfungsi sebagai bahan rujukan bagi penyelidikan yang akan dibuat oleh pengkaji-pengkaji yang lain pada masa hadapan.

Selain itu, hasil kajian ini juga diharapkan dapat memberi idea baharu serta menambahbaik amalan pendidikan khususnya pemilihan kaedah, proses pembelajaran tahfiz yang sesuai dan berkesan oleh guru di sekolah, Maahad dan institusi tahfiz serta faktor yang mempengaruhi pencapaian hafazan bagi mempertingkatkan kualiti hafazan murid.

1.7 Skop Dan Batasan Kajian

Kajian ini memberi fokus kepada kaedah, proses pembelajaran dan faktor yang mempengaruhi pencapaian hafazan dalam kalangan murid sekolah aliran tahfiz. Oleh itu, kajian ini hanya memfokuskan kepada kaedah dan teknik hafazan dalam kalangan murid tahfiz. Pengkaji turut mengkaji proses pembelajaran hafazan dalam kalangan murid sekolah aliran tahfiz. Di samping itu, pengkaji juga melihat apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian hafazan dalam kalangan murid aliran tahfiz.

Kajian ini memberi fokus kepada kaedah pembelajaran malah teknik pembelajaran juga ditekankan. Kaedah dan teknik pembelajaran merupakan cara yang berbeza walaupun mempunyai seakan maksud yang sama. Kaedah dalam pembelajaran tahfiz merupakan cara untuk menghafal al-Quran bagi memudahkan hafazan samaada yang telah dipelajari dan diamalkan oleh penghafaz al-Quran yang berpengalaman. Cara yang diamalkan oleh para huffaz merupakan kaedah yang sistematik.

Manakala teknik pembelajaran tahfiz bermaksud usaha atau kemahiran atau perkara-perkara khusus yang terkandung dalam sesuatu kaedah. Teknik-teknik pembelajaran inilah yang membezakan satu kaedah dengan kaedah-kaedah yang lain. Penerapan dan penggunaan teknik pembelajaran akan menghasilkan kualiti hafazan yang berbeza di antara kaedah-kaedah tersebut (Sedek Ariffin, 2011).

Kajian ini juga memberi perhatian kepada pandangan dan pengalaman guru dan murid berkenaan tentang kaedah pembelajaran tahfiz, kaedah pengumpulan data menggunakan kaedah temubual mendalam sebagai teknik utama dan disokong oleh dokumen. Subjek kajian yang terlibat terdiri daripada guru-guru tahfiz dalam kalangan guru lelaki dan perempuan serta murid-murid tahfiz yang sedang melalui pembelajaran tahfiz.

Terdapat tiga buah sekolah aliran tahfiz kerajaan yang terpilih dalam kajian ini, ketiga-tiga sekolah berkenaan menawarkan pendidikan tahfiz bersama-sama dengan kurikulum pendidikan kebangsaan.

Dapatan temubual yang diperolehi bergantung kepada kejujuran subjek kajian berkongsi pengalaman mereka dalam konteks pembelajaran tahfiz.

1.8 Definisi Konsep dan Operasional

Terdapat beberapa istilah penting yang digunakan dalam kajian ini iaitu:

1.8.1 Pembelajaran

Menurut pandangan ahli kognitif, pembelajaran boleh ditakrifkan sebagai satu proses dalaman yang menghasilkan perubahan tingkahlaku yang agak kekal. Manakala aliran behavioris pula berpendapat bahawa pembelajaran ialah perubahan dalam tingkahlaku, iaitu cara seseorang bertindak dalam suatu situasi. Dalam psikologi humanis pula, pembelajaran merupakan satu proses yang dapat membantu seseorang mencapai kesempurnaan sendiri (Ahmad Johari Sihes, 2010).

Konsep pembelajaran merupakan salah satu bentuk interaksi dua peserta antara peserta didik dengan pendidik supaya berlakunya proses pemerolehan ilmu pengetahuan atau penguasaan kemahiran atau pembentukan sikap dan kepercayaan. Abd Rahim Abd Rashid (2002), mengatakan skop pembelajaran begitu luas meliputi tiga aspek penting antaranya domain kognitif (pemikiran dan minda), afektif (perasaan serta emosi) dan psikomotor (anggota fizikal badan). Oleh demikian pembelajaran boleh berlaku di mana sahaja sama ada secara formal ataupun tidak formal. Secara lazimnya pengajaran yang baik akan menghasilkan pembelajaran yang berkesan (Noor Hisham, 2011).

Pembelajaran dalam konteks kajian ini merujuk kepada proses pemerolehan maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat serta pembentukan sikap dan kepercayaan.

1.8.2 Kaedah Pembelajaran Tahfiz

Kaedah pembelajaran tahfiz merupakan salah satu proses dalam pembelajaran tahfiz. Al-Qabisi (1955) menjelaskan kaedah pembelajaran tahfiz menggunakan kaedah *talqin* (mengajar), *takrar* (latih tubi), *al-mail* (cintakan al-Quran) dan *al-fahm* (kefahaman). Beliau juga menyarankan agar teknik yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz ini ialah teknik menggunakan kepelbagaian pancaindera antaranya mendengar, melihat, membaca dan menulis. Al-Qabisi (1955) juga menjelaskan teknik penilaian di dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz ini seharusnya berlaku dalam bentuk penilaian harian, mingguan, dan penilaian akhir.

Kaedah pembelajaran merupakan perhubungan jambatan yang menyambungkan antara dua rukun. Kaedah pembelajaran boleh berlaku dalam pelbagai bentuk dan pendekatan sama ada ia bermula dengan cara yang paling mudah sehinggalah kepada yang kompleks. Oleh sebab itu pembelajaran haruslah disusuli dengan kaedah pembelajaran supaya proses pembelajaran berlangsung dengan sempurna (Noor Hisham, 2011).

Menurut Ibnu Sahnun, beliau menjelaskan antara kaedah pembelajaran yang digunakan dalam pembelajaran al-Quran ialah kaedah mengenal huruf, kaedah mengeja, kaedah membaris (*al-Syakl*), kaedah membaca, kaedah menulis, kaedah menghafal, kaedah pengulangan, kaedah penguasaan, kaedah talaqi, dan kaedah penilaian.

Dalam kajian yang dijalankan ini, kaedah pembelajaran merupakan salah satu proses menghafaz yang penting bagi mendalami ilmu al-Quran, di mana ianya merupakan satu proses yang digunakan untuk menyimpan ilmu pengetahuan melalui kaedah menghafaz. Pembelajaran tahfiz memerlukan kaedah yang sempurna, menarik dan penilaian yang teratur.

1.8.3 Tahfiz

Tahfiz menurut Al-Suyuti, (1987) ialah menghafal al-Quran, iaitu satu bentuk usaha untuk memelihara al-Quran dan mengelak daripada sebarang usaha untuk menyeleweng dan memalsukan al-Quran. Allah telah memuji dan menyanjung tinggi kepada orang yang menghafaz al-Quran dengan memberi penghormatan dan gelaran yang mulia seperti pilihan Allah (Fathir, 35:32), orang yang telah diberi ilmu (al-Ankabut, 29:45) dan penjaga keaslian al-Quran (al-Hijr, 15:9). Dalam konteks kajian yang dijalankan ini, tahfiz membawa maksud usaha menghafal ayat-ayat al-Quran.

1.8.4 Proses Hafazan

Proses hafazan merupakan kegiatan menghafaz al-Quran yang menekankan perincian setiap ayat seperti perincian bahagiannya iaitu fonetik, waqaf, dan lain-lain. Ini kerana keseluruhan proses menghafaz ayat dan bahagiannya dimulakan dari mula proses agar proses mengingat semula ayat yang dihafaz haruslah tepat (Wiwi Alawiyah, 2013).

Dalam kajian yang dijalankan ini, proses hafazan bermaksud pelaksanaan mempelajari ataupun membaca ayat suci al-Quran secara berulang kali supaya terpahat dalam ingatan. Sepertimana ayat yang dihafaz benar-benar masuk dalam ingatan tanpa perlu melihat buku atau catatan (Zulkifli mohamad, 2013).

1.8.5 Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Hafazan

Menurut Carter V.Good (1973) dalam penulisan Abdul Jalil (1997), faktor pencapaian merupakan satu bentuk keadaan dalam bentuk penyelesaian dan kecekapan yang terkandung dalam kemahiran, ilmu pengetahuan atau kemajuan yang dapat melalui semulajadi. Kerlinger (1973) dalam penulisan Ahmad Rizal Madar (2005) bermaksud pencapaian secara operasional merupakan suatu ujian meliputi penilaian guru dalam sesuatu ujian.

Dalam kajian yang dijalankan ini, faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian hafazan merupakan keadaan yang membawa kepada kemajuan dalam pembelajaran.

1.8.6 Sekolah Aliran Tahfiz

Sekolah aliran tahfiz dalam kajian ini merujuk kepada sekolah yang menawarkan bidang hafazan al-Quran sebagai subjek teras di samping matapelajaran dalam kurikulum pendidikan kebangsaan.

Dalam kajian yang dijalankan ini, Sekolah Aliran Tahfiz bermaksud sekolah yang menjadikan tahfiz sebagai salah satu aliran yang ditawarkan selain daripada aliran akademik dan aliran Thanawi.

Dalam kajian yang dijalankan ini, Aliran tahfiz merupakan bidang menghafaz al-Quran yang memerlukan kaedah-kaedah khusus untuk menghafaznya (Wiwi Alawiyah, 2013).

1.9 Kesimpulan

Bab ini telah menghuraikan perkara-perkara yang menjadi asas kepada kajian yang dilakukan seperti latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian dan objektif yang ingin dicapai serta kepentingan kajian. Selain itu, bab ini juga telah menjelaskan tentang definisi konsep dan operasional bagi istilah penting dalam kajian yang dijalankan.

RUJUKAN

- Ab. Fatah Hasan. 1994. *Penggunaan Minda Yang Optimum dalam Pembelajaran*. Skudai: Penerbit UTM.
- Abd Rahim Abd Rashid. 2002. Agenda perubahan pendidikan sains sosial dalam mengharungi alaf baru. Dlm. Abd Rahim Abd Rashid. (pnyt.). *Pengajaran dan pembelajaran sains sosial: teori dan amalan*, hlm 1-21. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abd Allah al-Amin. 1994. *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibnu Khaldun dan al-Qabisi/ Abdullah al-Amin al-Na'miy*: penterjemah Mohd. Ramzi Omar. KL: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hafiz Abdullah & Hasimah Muda. 2004. 'Kaedah Hafazan al-Quran Yang Sistematis dan Praktikal dalam Melahirkan Para Huffaz yang Rasikh'. Dalam Ahmad Sunawari Long, Jaffary Awang dan Kamaruddin Salleh. *Islam: Past, Present and Future. International Seminar on Islamic Thoughts Proceedings*.
- Abdul Hafiz bin Haji Abdullah. 2003. Penyelidikan Jangka Pendek: Keberkesanan Kaedah Hafazan Di Pusat Tahfiz. Skudai: Research Management Centre Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Hafiz Abdullah, Hussin Salomon, Azmi Shah Suratman & Sulaiman Shakib Mohd Noor. 2005. Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan Al-Quran Yang Efektif: Satu Kajian Di Kuala Lumpur dan Terengganu. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Halim Tamuri, Nik Mohd Rahim Nik Yusoff. 2010. *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Ghani Azmi Haji Idris. 1999. *Mengenal Al-Quran dan Asas-Asas Ulumul Quran*. Serdang Universiti Putra Malaysia.
- Abdul Jalil Othman. 1997. *Pendidikan Untuk Sekolah Berkesan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Abdul Muqsith Bin Ahmad. 2013. Faktor Yang Mempengaruhi Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Lulusan Diploma Politeknik Dan Matrikulasi Terhadap Subjek Kejuruteraan. Jabatan Ikhtisas Pendidikan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Abdullah Amin al-Nukmy. (terj.). 1995. *Kaedah dan Kurikulum Pendidikan Islam Menurut Ibn Khaldun & al-Qabisi*, Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.
- Abu Al-Wafa, Aliyallah Ali. 1999. *An-Nur al-mubin litahfiz al-Quran al-Karim*. Kaherah: Darul Wafa'.

- Abu Najihat al-Hafiz. 2001. *Panduan Bagi Hafiz-Hafizah & Qari-Qari'ah*. Selangor: Penerbitan Darul Iman Sdn. Bhd.
- Abu Najihat Al-Hafiz. 2002. *Panduan bagi Hafiz-Hafizah dan Qari dan Qari'ah*. Selangor. Penerbit Darul Iman.
- Ahmad Mohd Salleh. 1997. *Pendidikan Islam: Falsafah, pedagogi dan metodologi*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ahmad Johari Bin Sihes & Norbaizura Binti Sani. 2010. Pelaksanaan E-Pembelajaran dikalangan Pelajar Fakulti Pendidikan Dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Rizal Madar & Jailani Md. Yunus. 2005. "Gaya Pembelajaran Visual Pelajar Teknikal menerusi Pembangunan Koswer Berorientasikan Grafik dan Animasi." Prosiding Konvensyen Teknologi Pendidikan ke-18. Pusat Penerbitan Universiti Sains Malaysia.
- Ahwani, Ahmad Fuad. 1995. *Al-tarbiyyah fil Islam aw ta'alim fi ra'yil Qabisi*. Kaherah: Dar Ehya' al Kutub al Arabiyyah.
- Akhbar _____. 1992. "*Kearah Melahirkan Peghafaz Al-Qur'an*". Berita Harian. 10 April.
- Akhbar _____. 2009. Di Petik Daripada Yayasan Islam Kelantan.
- Al-Adandani, Abdul Salam. 2003. *Kaifa tahfaz al-Quran*. Kaherah: Maktabah Abu Bakar As-Siddik.
- Al-Qabisi. Abi Hasan Ali Muhammad Khalaf. 1955. *Ar-Risalah al-mufassolah li ahwal al-mua'allimin wa ahkam al mu'allimin wal mutaallimin*. Kaherah: Dar Ehya' al Kutub al Arabiyyah.
- Al-Quran al-Karim*
- Al-Quran al-Karim Wa Tarjamat Ma'anihi Ila al-Lughat al-Indunusiyyah. 1413H. Madinah al-Munawwarah: Mujamma' Khadim al-Haramayn al-Sharifayn al-Malik al-Fahd Li Tiba'at al-Mushaf al-Sharif.
- Al-Sharbini, Ibrahim Abd. Al-Mu'an. 1995. *Qasd al-Sabil Ila al-Jinan Bi Bayan Kaifa Tahfaz al-Quran*. Mansurah: Maktabat al-Iman.
- Alimudin Haji Mohd Dom. 1998. "Tanggapan Pelajar Terhadap Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Di Enam Buah Sekolah Menengah Di Perak." Thesis Universiti Putra Malaysia (tidak diterbitkan)
- A. Susanto. 2009, *Pemikiran Pendidikan Islam*, Jakarta. Amzah.

- Azmil hashim. 2010. Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Al-Quran Di Darul Quran Jakim Dan Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azmil Hashim, Misnan Jemali, Ab. Halim Tamuri, Mohd Aderi, Che Noh. 2014. Jurnal Hubungan antara Adab-adab Pembelajaran Tahfiz dan Pencapaian Hafazan Pelajar. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Azhar Bin Muhammad, Abdul Hafiz Bin Abdullah, Azmi Shah Bin Suratman, Kamarul Azmi Bin Jasmi, Mohd Ismail Bin Mustari. 2007. Tahap Profesionalisme Guru-guru pelatih Pendidikan Islam dalam Latihan Praktikum Research Vote No: 75215. Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial Universiti Teknologi Malaysia.
- Badrul Hisham Sulaiman. 2008. *10 Ciri Al-Hafiz Cemerlang*. Perniagaan Jahabersa.
- Burn, R. B. 1995. *Introduction to Research Methods.* Melbourne: Longman.
- Campbell D. dan Fiske D. 1959. "Convergent and discriminant validation" *Psychological Bulletin*, vol.56, h 81-105.
- Cohen, L, Manion, L & Morrison, K. 2000. *Research methods in education* London: Routledge Falmer.
- Crawford, J & Irving, C. 2009. Information literacy in the workplace: A qualitative exploratory study. *Journal of Librarianship and Information Science* 41(1): 29-38.
- Creswell, J.W. 2003. *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Thousand Oaks: SAGE Publications.
- Ee, Ah Meng. 1987. *Pedagogi Untuk Bakal Guru*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Ismail Awang, 1987. *Pengajian dan Tafsir al-Quran*. Kota Bahru: Dian Darul Na'im Sdn. Bhd.
- Engkizar Siq. Spd.I. 2011. Konsep Pengajaran dan Pembelajaran Membaca Al-Quran dalam Pendidikan Islam Pengajaran dan Pembelajaran Membaca Al-Quran dalam Pendidikan Islam Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin, Norlizah Che Hassan, Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Lukman Abd Mutalib & Wan Marzuki Wan Jaafar. 2014. "Pendidikan Tahfiz Dalam Arus Pendidikan Negara Kea Rah Melahirkan Generasi Al-Quran: Harapan Dan Cabaran". Kertas Kerja Yang Dibentangkan Di Wwacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke 10 Yang Diadakan Di Wisma Majlis Ugama Islam Sabah 15-16 Disember 2014.

- Fontana, Andrea and James Frey. 1994. The Art of Science. Pp. 361-76 in The Handbook of Qualitative Research, edited by N. a. Y. L. Denzin. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Glesne, C. 1999. Becoming qualitative researchers: An introduction. White Plains, N. Y Longman.
- Haji Maimum Aqasha Lubis dan Roslan Hj Aspar. 2005. Kaedah pengajaran pengetahuan agama Islam di Brunei Darussalam. *Jurnal pendidikan 30 (2005)* 141-150.
- Harlen, W., Gipps, C., Broadfoot, P. & Nuttall, D. 1992. Assessment and the Improvement of education. *The Curriculum Journal* 3: 215-230.
- Hasmah Binti Ibrahimi. 2014. Pengaruh Faktor Persekitaran terhadap Kecemerlangan Akademik Pelajar. Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan serta pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik di Uthm Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Huitt, W. 2001. Humanism and open education. Educational Psychology Interactive. Valdosta, GA: Valdosta State University. Dirujuk pada 20 Disember, 2009, di <http://chiron.valdosta.edu/whuitt/col/affsys/humed.html>.
- Institut Al-Quran Kuala Lumpur. "Info Iqkl". Pamflet. 2005.
- Ismail Masyhuri Al-Hafiz. 1993. *Fadhilat Membaca Dan Menghafal Al-Qur'an serta Panduan Menghafalnya*. Kuala Lumpur: Syarikat Nurul Has.
- Kamal Mahyuddin Harun. 1992. *Pendidikan al-Quran dan As-Sunnah*. Pustaka Aman Press Sdn.Bhd.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab.Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Mohd Aderi Che Noh. 2003. Kertas Kerja Sejarah, Kaedah Serta Model Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran. Lecture Hall. Masjid Negara.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif in kursus penyelidikan kualitatif siri 1 2012 di puteri resort melaka pada 28-29 mac 2012. *Faculty of Islamic civilization, University Teknologi Malaysia*.
- Kamal Abdul Hamid Zaitun. 2005. Al-Tadris. Kaherah: al-Amal al-Kutab.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (Pelaksanaan 2015) Bahagian Pendidikan Islam

- Kerlinger, F.N. 1973. *Foundations of behavioral research*. Fort Worth: Holt, Rinehart and Winston.
- Ma'ahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat (Darul Qur'an) JAKIM. 'Buku Panduan Kemasukan Program Diploma Tahfiz al-Quran Wal al-Qiraat'. 2000-2001.
- Marohaini Yusoff. 1998. Pertimbangan kritikal dalam pelaksanaan kajian kes secara kualitatif. *Jurnal Pendidikan*, jilid 19, hlm, 1 – 20. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya
- Marohani Yusoff. 2001. *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Masfira Hilman. 2005. Kajian tentang keberkesanan kaedah l'adah di Maahad tahfiz Johor (MARSAH) Projek Penyelidikan Darul Quran.
- Merriam, S.B. 1998. *Qualitative research and case study application and education*. San Francisco: Jossey Bass Publisher.
- Miles, M. B. and Huberman, A. M. 1994. "*Qualitative Data Analysis: An Expanded Sourcebook*." 2nd ed. Thousand Oaks, Calif: Sage.
- Misnan Jemali. 2003. Hubungan antara Kaedah Menghafaz al-Quran dengan pencapaian Kursus Tahfiz wa al-Qiraat pelajar semesta empat dan lima di Maahad Tahfiz wal Quraat di Perak. Seminar kaedah pengajaran peringkat kebangsaan. Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Mohd Fazri Ahmad Murad. 1999. *Metode-Metode Penghafalan al-Quran*. Kajian Khusus di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Negeri Sembilan, Maahad Ahmadi, Gemenceh, negeri Sembilan. Universiti Malaya: Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda.
- Mohd Majid. Konting. 2005. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Aderi Che Noh. 2004. Celik al-Quran di kalangan pelajar tingkatan satu Zon Pudu Kuala Lumpur. Projek Penyelidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Marzuqi Abd Rahim. 2008. Pengajaran Mata Pelajaran Hafazan Al-Quran: Suatu Kajian Maahad Tahfiz Al-Quran Zon Tengah. Kertas Projek Sarjana: Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohammad Naim Mat Salleh. 2003. Pencapaian tilawah al-Quran melalui Kaedah Iqra' di sekolah-sekolah rendah kebangsaan daerah Setiu, Terengganu. Projek Penyelidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Solleh Ab.Razak. 2013. *Melahirkan Anak Pencipta Al-Quran*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn.Bhd.

- Mohd Yusuf. Ahmad. 2000. *Sejarah Dan Kaedah Pendidikan Al-Quran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mok Soon Sang. 2002; *"Pedagogi Untuk Kursus Diploma Perguruan Semester III", Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.*
- Mohamad Zuwahr Selamat, Khairul Anuar Mohamad, Ahmad Kamel Mohamed, Adnan Mohamed Yusoff, Norakyairee Mohd Raus, Mohd Nur Adzam Rasdi, Muhammad Arif Musa. 2015. *Penggunaan Teknologi Semasa Dalam Menghafaz Al-Quran*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhammad Ali al-Khauili. 2006. *AL-maharatu al-dirasiyyah*. Jordan: dar al-falah.
- Muhamad Abdillah Royo & Haleefa Mahmood. 2011. Faktor-Faktor Kelemahan yang Mempengaruhi Pencapaian Cemerlang Dalam Mata Pelajaran Reka. *Fakulti Pendidikan. Journal of Educational Psychology and Counseling*, volume 2, Jun 2011, Pages 145-174/ ISSN: 2231-735X. Universiti Teknologi Malaysia.
- Modulkhatamal-quran.blogspot.my
- Nixon, J. 1992. *Evaluating the Whole Curriculum*. Philadelphia: Open University Press.
- Noor Hisham Md Nawi. 2011. *Pengajaran dan Pembelajaran; Penelitian Semula Konsep-Konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden 1*. Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah Kubang Keriang: Universiti Malaysia Kelantan.
- Noriah Ishak, Siti Fatimah Mohd Yassin, Mohd Izham Mohd Hamzah, & Siti Rahayah Ariffin. 2010. *Kajian Kes. Dalam penyelidikan dalam pendidikan*. (Hlm: 345-369). MC Graw Hill Education.
- Nofrizal. 2006. *Hubungan Minat dengan Kebolehan Membaca al-Quran Di kalangan Pelajar Madrasah Diniyah Awaliyah luar bandar di Sumatera Barat*. Projek Penyelidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman Lebar. 2009. *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman Talib. 2013. *ATLIS.TI Pengenalan Analisis Data Kualitatif 140 Ilustrasi Langkah Demi Langkah*. Cetakan Pertama Serdang: Print More Sdn Bhd Taman Perindustrian Bukit Serdang.
- Patton, M. Q. 1990. *"Qualitative Evaluation and Research Methods."* London: Sage Publication.
- Pelajar Ismp Pendidikan Islam dan Pengajian Al-Quran Dan Al-Sunnah, Kaedah Mengajar Al-Quran Menurut Ibnu Sahnun. Upsi Sesi 2009/2010.

- Pelajar Pendidikan Islam UPSI. 2010. Kaedah Mengajar Al-Quran Menurut Ibnu Sahnun. Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah UPSI.
- Raihan Mohd Nordin. 2000. Penguasaan Kemahiran Membaca Al-Quran Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Gurun Kedah Darul Aman. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ramlan Ahmad. 2000. Kemahiran Membaca al-Quran Dan Jawi Pelajar-Pelajar Sekolah Berasrama Penuh: satu kajian kes. Projek Penyelidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ramli Ahmad. 2000. Kelemahan Membaca al-Quran di Kalangan Pelajar Sekolah Berasrama Penuh. Projek Penyelidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Robson, L.S., Clarke, J.A., Cullen, K., Bielecky, A., Severin, C., Bigelow, P.L., Irvin, E., Culyer, A. dan Mahood, Q. 2007. The Effectiveness of Occupational Health and Safety Management System Interventions: A Systematic Review. *Safety Science*.45, 329-353.
- Rubin, H. J., and Rubin, I. S. 2005. *Qualitative Interviewing – The Art of Hearing Data*. 2. Edition, Sage Publications, Thousand Oaks, London, New York.
- Sabitha marican. 2005. *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall.
- Sedek Bin Ariffin. 2011. Keunikan Metode-Metode Hafazan Al-Quran Di Dunia: Suatu Tinjauan Terhadap Kaedah di Malaysia, India, Pakistan, Arab Saudi, Indonesia, Dan Turki.
- Shaari, A. S., Mohd Yusoff, N, Ghazali, M.I, Osman, R. 2012. Hubungan antara Gaya Pengajaran Pensyarah dengan Penglibatan Akademik Pelajar Universiti.
- Silverman, D. 2000. *“Doing Qualitative Research: A Practical Handbook*. London, Thousand Oaks, New Delhi: Sage.
- Siti Safariah Abdullah Omar. 2009. Hubungan Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran Dengan Pencapaian Pelajar Di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri Selangor. UPM
- Shamsina Shamsuddin&Akhiar Pardi. 2015. Blog Perkongsian Ilmu Pedagogi Dan Perkembangan Profesionalisme Guru-Guru Pendidikan Islam Pedagogi Pendidikan Islam. Buku Siri Wacana Akademik Pelangi.
- Taba, H. 1962. "Curriculum Development" In *Evaluation in the Eight Year Study*.Columbus, OH: Progressive Education Association.

- Taufiq Ahmad Mar'ii dan Muhamad Mahmud al-Hailah (2009). *Al-Tara'iq Al - Tadrīs al Ammah: Teaching Methods*. Amman, Jordan: Dar al-Massirah.
- Teori Pembelajaran Ausubel Ogos. 2010. Diakses pada 29 Ogos 2012 dari teorikognitif-mab.blogspot.com.
- Tyler, R. W. 1949. *Basic principles of curriculum and instruction*. Chicago, IL: University of Chicago Press.
- Wan Muhammad Abdul Aziz. 1995. Ke arah penyelarasan sistem pengajian tahfiz al-Qur'an di Malaysia. *Jurnal Institut Pengajian Tahfiz al-Qur'an*. Bil 1. 1-8.
- Wan Mohamad B. Abd. Aziz, Hj. 1997. Pengurusan Maahad Tahfiz Al-Quran: Pengalaman Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. *Jurnal Darul Quran*, Bil. Ketiga.
- Wiji Alawiyah Wahid. 2013. *Cara Cepat Untuk Menghafaz Al-Quran*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah House of Publishers Snd Bhd.
- Wiersma, w. 1991. *Research Methods in Education*. 5th ed. Boston: Allyn & Bacon.
- Yin, R. K. 1994. "Case Student Research: Design and Methods." 2nd. Thousand Oak, Calif: Sage.